# PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENERIMAAN JURUBANK (BA)

ALLIANCE BANK
Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

**ARAHAN**
Saya/Kami lampirkan di sini Penerimaan Jurubank "BA" bersama satu set lengkap dokumen sokongan untuk penerimaan Bank

**TARIKH PERMOHONAN INI:**

**NAMA SYARIKAT:**

**PERINCIAN BA**

No. Draf BA.: ______________________

Amaun BA (RM): ______________________

Tempoh/Kematangan: ______________________

Tarikh Berkuat kuasa: ______________________

**BA INI ADALAH BAGI TUJUAN PEMBIAYAAN:**

☐ Pembelian daripada Pemastautin

☐ Pembelian daripada Bukan Pemastautin

☐ Jualan kepada Pemastautin

☐ Jualan kepada Bukan Pemastautin

**Sila terima dan diskaun BA dan:**

☐ Kreditkan hasil perolehan ke dalam akaun saya/kami bernombor ______________________ dengan Alliance Bank Malaysia Berhad (Bagi pembelian, di sini saya/kami lampirkan dokumen sebagai bukti bahawa pembayaran telah dibuat oleh saya/kami secara terus kepada pembekal)

☐ Kirimkan perolehan kepada benefisiari berikut melalui:
*(R):RENTAS / (G): Interbank GIRO / (T): Pemindahan Bertelegraf / (C): Pengkreditan akaun semasa Alliance Bank Malaysia Berhad
** Bagi pembayaran melalui Interbank GIRO sila nyatakan nombor Pendaftaran Perniagaan Benefisiari yang diterima oleh Jurubank Benefisiari.

| Mod Pembayaran* | Benefisiari** | Nama Bank & Perincian | Nombor Akaun | Amaun (RM/FCY) |
|---|---|---|---|---|
| *Contoh: T* | *Contoh: ABC Pte Ltd* | *Contoh: HSBC London Ltd (SWIFT : HSBCGB2L)* | *Contoh: XXXXXXXXX* | *Contoh: GBP XX,XXX.00* |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |
| | | | | |

**ARAHAN TAMBAHAN**

**CAJ DAN FAEDAH**

☐ Debitkan segala caj/faedah daripada akaun saya/kami bernombor ______________________ dengan Alliance Bank Malaysia Berhad.

**ARAHAN PENYELESAIAN APABILA MATANG**

☐ Sila debitkan akaun saya/kami yang bernombor ______________________ dengan bank apabila matang.

______________________
**AUTHORISED SIGNATORY(IES) & COMPANY STAMP**

| UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA | |
|---|---|
| Tempoh BA: | |
| Amaun BA: | |
| Kadar diskaun: | |
| Tandatangan disahkan oleh | |

Nota: (1) Borang ini mesti dilengkapkan dan ditandakan √ di mana berkenaan.
(2) “Pemastautin dan Bukan Pemastautin” membawa maksud sebagaimana yang ditakrifkan dalam ‘Garis Panduan Penerimaan Jurubank’ yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.
(3) Fi pengumpulan sebanyak RM50.00 akan dicaj bagi permohonan ini dengan ≥ 3 invois
(4) Maklumat terperinci mengenai Fi & Caj Pembiayaan Perdagangan boleh didapati di laman web kami di https://www.alliancebank.com.my

**A) Pengakuan:**

BA ini adalah tertakluk kepada Garis Panduan Penerimaan Jurubank semasa atau sebarang pindaan terhadapnya yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia dan saya/kami dengan ini bersetuju untuk terikat dengan Garis Panduan tersebut. Merujuk yang tersebut, saya/kami dengan ini membuat pengakuan bahawa:

Sekiranya BA ini digunakan untuk membiayai transaksi perdagangan antara dua syarikat yang berkaitan yang merupakan entiti sah yang berasingan, transaksi yang dibuat adalah urus niaga tulus dan pemindahan hak milik barangan benar-benar berlaku. Bagi tujuan ini, “syarikat yang berkaitan” diertikan sebagai syarikat berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 7 Akta Syarikat 2016.

DAN

1. Saya/Kami tidak mendapatkan dan tidak akan mendapatkan sumber pembiayaan lain bagi transaksi perdagangan yang berkenaan, termasuklah pembiayaan yang merujuk kepada pajakan, sewa beli, atau perjanjian pemfaktoran.
2. Barangan yang terlibat dalam transaksi perdagangan tersebut adalah barangan ketara dan pemindahan hak milik barangan tersebut benar-benar berlaku.
3. Transaksi perdagangan menggunakan BA ini tidak dilaksanakan antara dua entiti perniagaan yang merupakan syarikat pemilikan tunggal di mana pemiliknya adalah individu yang sama, atau antara dua entiti perniagaan yang merupakan perkongsian di mana majoriti rakan kongsi adalah individu yang sama.
4. Barangan yang dibeli bukan yang disewa beli, atau bukan bertujuan untuk dijadikan sebahagian daripada aset tetap saya/kami, atau bukan bertujuan untuk dipajak kepada individu lain (hanya terpakai untuk pembeli sahaja).
5. BA ini **tidak** digunakan untuk membiayai jualan barangan, (i) yang tertakluk kepada perjanjian jualan dan pajakan balik; (ii) yang dijual di bawah terma sewa beli; (iii) barangan belum terima yang bertujuan untuk dijual atau telah dijual atau telah cagarkan untuk dijual di bawah perjanjian pemfaktoran (hanya terpakai untuk penjual sahaja).

**(B) Kebenaran:**

Bagi **JUALAN** di mana saya/kami telah mengemukakan kepada bank bil untuk kutipan, saya/kami memberi kebenaran kepada bank untuk menggunakan hasil kutipan tersebut sebaik sahaja penerimaannya untuk menyelesaikan BA apabila matang. Saya/Kami bersetuju bahawa bank mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas bil tersebut dan barangan yang diliputinya sehingga BA yang diterima oleh bank bagi akaun saya/kami telah dibayar sepenuhnya oleh saya/kami. Sekiranya perolehan dari bil tersebut tidak diterima oleh bank pada tarikh matang BA, saya/kami memberi kebenaran kepada bank untuk mendebit amaun BA berserta faedah bagi pembayaran lewat daripada akaun saya/kami. Saya/Kami selanjutnya mengaku janji untuk menyediakan dana yang secukupnya dalam akaun saya/kami untuk menampung debit tersebut.

Bagi **PEMBELIAN**, saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada bank untuk mendebit akaun saya/kami dan menyelesaikan amaun yang perlu dibayar kepada pembekal selepas akaun saya/kami telah dikreditkan dengan perolehan BA yang didiskaun oleh bank. Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami bersetuju untuk menerima sebarang percanggahan atau ketaksekataan yang terdapat dalam dokumen pengiriman yang dikeluarkan di bawah Surat Kredit bank dan saya/kami dengan ini memberi kebenaran kepada bank untuk melepaskan sebarang jaminan atau rizab berkaitan dengan percanggahan dan/atau ketaksekataan tersebut. Pada tarikh matang BA, saya/kami memberi kebenaran kepada bank untuk mendebit akaun saya/kami bagi menyelesaikan pelepasan BA tersebut dan bahawa saya/kami mengaku janji untuk menyediakan dana yang secukupnya dalam akaun saya/kami untuk menampung debit tersebut.

**(C) Aku Janji:**

Saya/Kami selanjutnya mengaku janji untuk mengemukakan kepada bank satu set lengkap dokumen sokongan berserta Cap Bank apabila diminta/dikehendaki berbuat demikian sekiranya dokumen asal dikembalikan kepada saya/kami selepas penerimaan.

Kecuali dinyatakan sebaliknya di sini, caj Bank tidak termasuk sebarang cukai semasa dan cukai yang mungkin dikenakan pada masa akan datang (termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan "GST" (sekiranya ada) mengikut undang-undang yang berkenaan. Pada tarikh penguatkuasaan pelaksanaan sebarang cukai tersebut pada masa akan datang dan sekiranya berkenaan, Bank berhak mendapatkan cukai tersebut daripada saya/kami.

**(D) Persetujuan**

Saya/Kami dengan ini membenarkan dan memberi kuasa kepada Alliance Bank Malaysia Berhad (“Bank”), pegawai serta kakitangannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat berkaitan permohonan ini kepada Payment Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet), penyelia perkhidmatan untuk Bank, penama, ejen, kontraktor atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga (secara kolektif dirujuk sebagai “Pihak Ketiga”) untuk tujuan yang diperlukan berkaitan dengan permohonan pembiayaan. Maklumat yang akan didedahkan ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada invois, surat kredit dan maklumat lain yang berkaitan yang mungkin disimpan oleh Bank, PayNet dan/atau Pihak Ketiga.

Saya/Kami juga mengesahkan bahawa pendedahan sedemikian tidak boleh ditarik balik dan Bank tidak akan bertanggungjawab kerana memberikan maklumat tersebut atau akibat daripada sebarang pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan mengikut permohonan ini melainkan jika diberitahu sebaliknya oleh saya/kami secara bertulis.

## UNTUK KEGUNAAN BANK SAHAJA

**Senarai Semak**

**Tandakan pada kotak**

1. Ketersediaan dokumen sokongan:
   - (i) Invois asal (untuk "Pembelian") atau ☐
   - (ii) Salinan Invois (untuk "Jualan") yang ditandatangani oleh penandatangan yang dibenarkan yang disahkan oleh bank dan ☐
   - (iii) Nota Serahan/Arahan Penyerahan atau Bil Muatan atau AWB atau Perakuan Kastam atau sebarang dokumen pengangkutan lain ☐
2. Nilai muka BA adalah tidak kurang daripada RM50K dan dalam gandaan RM1000 dan tidak melebihi jumlah nilai invois ☐
3. Invois mestilah mengandungi yang berikut:
   - (i) Nama dan alamat pihak-pihak yang terlibat ☐
   - (ii) Nombor Siri dan Syarat Pembayaran ☐
   - (iii) Perincian barangan ☐
   - (iv) Amaun invois (tidak kurang daripada RM1000 setiap invois) ☐
4. Untuk Pembelian: Pembayaran mesti dibuat kepada pembekal. Resit atau bukti pembayaran mestilah sertakan bersama dokumen sekiranya perolehan dikreditkan kepada akaun pelanggan. ☐
5. Draf BA & Borang Permohonan Penerimaan/Diskaun yang dilengkapkan sewajarnya dan tandatangan pelanggan yang disahkan ☐
6. Dokumen asal telah disemak, dicap oleh Bank dan dikembalikan kepada pelanggan ☐

Disemak & Disahkan oleh:

Tandatangan:

Nama: